OOI CHIENG SIM lwn. PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, BUTTERWORTH
FATHIYAH IDRIS PK
[PERMOHONAN SEMAKAN JENAYAH NOS: PB-44-21-11-2023 & PB-44-22-11-2023]
29 JUN 2024

Abstrak – *(i) Walaupun tidak digariskan dalam mana-mana peruntukan undang-undang, Arahan Pentadbiran Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia Bil. 2 Tahun 2018 menetapkan bahawa mod permohonan untuk semakan jenayah adalah melalui surat permohonan. Ini memberi Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman, yang membaca surat permohonan, pilihan untuk melaksanakan kuasa semakan beliau atau sebaliknya. Notis usul, seperti dalam kes ini, bukan mod yang betul untuk membuat permohonan semakan jenayah namun, demi keadilan, boleh dipertimbangkan berdasarkan merit, merujuk pada s. 325(1) Kanun Tatataca Jenayah; (ii) Kuasa memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding untuk satu-satu kesalahan terletak hak pada Pendakwa Raya. Perintah pelepasan tanpa pembebasan (DNAA) atau pelepasan yang terjumlah sebagai pembebasan (DAA) hanya akan diberi oleh mahkamah atas permohonan oleh Pendakwa Raya.*

PROSEDUR JENAYAH: *Semakan – Permohonan – Mod – Mod untuk memulakan permohonan semakan jenayah – Semakan terhadap keputusan Mahkamah Sesyen – Pemohon memfailkan permohonan semakan melalui notis usul – Sama ada notis usul mod yang betul – Sama ada teratur – Sama ada notis usul boleh dipertimbangkan berdasarkan merit – Arahan Pentadbiran Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia Bil. 2 Tahun 2018 – Kanun Tatacara Jenayah, ss. 325(1) & 326*

PROSEDUR JENAYAH: *Pelepasan atau pembebasan – Perintah pelepasan tanpa pembebasan – Semakan terhadap keputusan Mahkamah Sesyen – Tertuduh berhadapan dengan lima pertuduhan bawah s. 4(1) Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 – Kesalahan menyembunyikan harta yang dia mempunyai sebab untuk percayai adalah harta yang menyalahi undang-undang – Saksi enggan hadir – Hakim Mahkamah Sesyen memerintahkan tertuduh dilepaskan tanpa dibebaskan – Sama ada pihak pendakwaan memohon perintah pelepasan tanpa pembebasan – Sama ada pertuduhan yang dirangka tidak berasas – Sama ada perintah yang dibuat betul – Kanun Tatacara Jenayah, ss. 173(g) & 254*

Pemohon dituduh di Mahkamah Sesyen dengan lima pertuduhan bawah s. 4(1) Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 ('ADBPH') kerana menyembunyikan harta yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai adalah harta yang menyalahi undang-undang; tiga pertuduhan didaftarkan dalam satu kes manakala dua lagi dalam satu lagi kes. Semasa perbicaraan, pihak pendakwaan memaklumkan Mahkamah Sesyen bahawa saksi ketiga pihak pendakwaan ('saksi terakhir') tidak dapat hadir ke mahkamah. Pada hari yang ditetapkan, pihak pendakwaan sekali lagi memaklumkan mahkamah bahawa saksi terakhir enggan hadir tanpa mengemukakan apa-apa alasan walaupun sepina telah diserahkan padanya. Pihak pendakwaan memohon agar waran tangkap dikeluarkan terhadap saksi terakhir. Hakim Mahkamah Sesyen kemudian bertanyakan sama ada pihak pendakwaan bersedia untuk menutup kes tanpa kehadiran saksi terakhir dan, sekiranya mahkamah mengeluarkan waran tangkap, 'adakah kemungkinan yang besar saksi akhir ini akan hadir …'. Hakim Mahkamah Sesyen berpendapat bahawa oleh kerana kes tertuduh sudah lama dan sudah ditetapkan tarikh sambung bicara, tertuduh dilepaskan tanpa dibebaskan (discharged not amounting to acquittal ('DNAA')) untuk kesemua pertuduhan bagi kedua-dua kes atas alasan saksi terakhir enggan hadir ke mahkamah. Maka timbul dua permohonan ini, melalui dua notis usul, untuk semakan terhadap perintah DNAA tersebut.

Diputuskan (perintah pelepasan tanpa pembebasan oleh Hakim Mahkamah Sesyen tidak teratur dan diketepikan; memerintahkan perbicaraan diteruskan dengan saksi terakhir pihak pendakwaan):

(1) Kuasa semakan Mahkamah Tinggi terkandung dalam Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') dan Akta Mahkamah Kehakiman 1964 namun tiada mod ditetapkan untuk permohonan semakan jenayah. Walau bagaimanapun, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia telah mengeluarkan Arahan Pentadbiran Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia Bil. 2 Tahun 2018 ('Arahan Pentadbiran') yang menggariskan tatacara atau proses kerja untuk permohonan semakan jenayah. Arahan Pentadbiran ini jelas menunjukkan bahawa mod permohonan untuk semakan jenayah adalah melalui surat permohonan. Arahan Pentadbiran seterusnya mengkehendaki Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar untuk mengangkat surat permohonan semakan jenayah tersebut pada Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman untuk pertimbangan dan arahan lanjut. Setelah Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman membaca surat permohonan tersebut, beliau boleh melaksanakan kuasa semakan jika beliau berpendapat perkara tersebut perlu disemak. Sekiranya beliau memutuskan sebaliknya, maka permohonan semakan tersebut akan berakhir di situ. (perenggan 12, 14, 18, 20 & 21)

(2) Notis usul bukan mod yang betul untuk membuat permohonan semakan jenayah. Permohonan semakan jenayah yang dibuat melalui notis usul adalah tidak teratur. Sekiranya permohonan untuk semakan difailkan melalui notis usul, Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar tidak boleh menolak pendaftaran notis usul tersebut; sebaliknya, notis usul ini akan diproses dan satu tarikh pendengaran akan ditetapkan. Dalam keadaan begitu, seorang Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman terpaksa mendengar notis usul tersebut tanpa mempertimbangkan keperluannya dan sama ada perlu untuk menjemput pihak-pihak untuk didengar seperti yang diperuntukkan bawah s. 326 KTJ. Walau bagaimanapun, walaupun dalam kes ini mahkamah tidak diberi ruang mempertimbangkan keperluan permohonan semakan yang dibuat, demi keadilan, notis usul ini dipertimbangkan berdasarkan merit, merujuk pada s. 325(1) KTJ. (perenggan 24-27 & 29-30)

(3) Hakim Mahkamah Sesyen tidak wajar menimbulkan persoalan 'adakah kemungkinan yang besar saksi akhir ini akan hadir …'. Beliau sepatutnya mengeluarkan waran tangkap dan menetapkan tarikh akhir untuk sambung bicara. Apabila waran tangkap dikeluarkan, pihak polis akan melaksanakan tangkapan terhadap saksi dan, oleh kerana saksi terakhir seorang anggota polis, pelaksanaan waran tangkap terhadapnya tidak sukar. Secara logiknya, jika waran tangkap dilaksanakan, saksi terakhir akan ditangkap dan dibawa ke mahkamah untuk perbicaraan. Walau bagaimanapun, jika waran tangkap tidak dilaksanakan, sudah tentu saksi tersebut tidak akan hadir. (perenggan 52-54)

(4) Kuasa memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding untuk satu-satu kesalahan terletak hak pada Pendakwa Raya; ini selaras dengan per. 145 Perlembagaan Persekutuan yang dibaca bersama-sama s. 376(1) KTJ. Kuasa Pendakwa Raya juga dizahirkan melalui s. 254 KTJ yang memperuntukkan bahawa Pendakwa Raya boleh memilih untuk tidak meneruskan pendakwaan atas seseorang dan Pendakwa Raya hendaklah memaklumkannya pada mahkamah. Mahkamah, atas makluman tersebut, boleh memerintahkan tertuduh dilepaskan tanpa dibebaskan (DNAA) atau, dalam keadaan tertentu, mahkamah boleh juga mengeluarkan perintah pelepasan yang terjumlah sebagai pembebasan (discharge amounting to acquittal ('DAA')) sebagaimana yang diperuntukkan oleh s. 254(3) KTJ. Dalam kes ini, perintah DNAA telah dikeluarkan oleh HMS tanpa didahului oleh permohonan atau makluman oleh Pendakwa Raya bawah s. 254 KTJ. Adakah perintah DNAA tersebut teratur menurut undang-undang? Berdasarkan nas-nas duluan, perintah DNAA atau DAA akan diberi oleh mahkamah atas permintaan oleh pihak pendakwaan. Oleh itu, perintah DNAA oleh HMS, atas alasan saksi enggan hadir, adalah salah dan tidak menurut peruntukan undang-undang. Tambahan lagi, s. 173(g) KTJ memberikan mahkamah kuasa untuk mengeluarkan perintah DNAA dalam keadaan pertuduhan yang dirangka atas tertuduh tidak

berasas. Hakim Mahkamah Sesyen, walau bagaimanapun, tidak pernah, pada bila-bila masa, membuat dapatan bahawa pertuduhan terhadap tertuduh adalah tidak berasas. (perenggan 57-59 & 64, 66 & 68)

(5) Perintah DNAA oleh HMS adalah tidak teratur. Menggunakan kuasa semakan yang diperuntukkan dalam KTJ, mahkamah memutuskan agar: (i) perintah DNAA oleh HMS diketepikan dan perbicaraan hendaklah diteruskan dengan saksi terakhir pihak pendakwaan; (ii) waran tangkap dikeluarkan terhadap saksi terakhir; (iii) kedua-dua kes disebut semula di Mahkamah Sesyen; (iv) tertuduh ditahan reman dan tiada jaminan dibenarkan menurut s. 57 ADBPH; dan (v) waran tangkap dan waran menahan disediakan. (perenggan 72)

Kes-kes yang dirujuk:

Krishnadas Achutan Nair & Ors. v. Maniyam Samykano [1997] 1 CLJ 636 FC ***(dirujuk)***
Ooi Chieng Sim v. PP [2023] 1 CLJ 254 HC ***(dirujuk)***
PP v. Ambika M A Shanmugam [2021] 2 CLJ 522 CA ***(dirujuk)***
PP v. Ambika MA Shanmugam [2019] 7 CLJ 518 HC ***(dirujuk)***
PP v. Audrey Keong Mei Cheng [1997] 4 CLJ 702 CA ***(dirujuk)***
PP v. Chan Kok Poh [2021] CLJU 1557; [2021] 1 LNS 1557 HC ***(dirujuk)***
Vigny Alfred Raj Vicetor Amratha Raja v. PP [2022] 8 CLJ 1 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Criminal Procedure Code, ss. 173(g), 254(1), (3), 254A, 323, 324, 325(1), 326, 327, 376(1)
Dangerous Drugs (Forfeiture of Property) Act 1988, ss. 4(1), 57, 149
Federal Constitution, arts. 5, 145, 149

Bagi pihak pemohon - Muhammad Shafee Md Abdullah & Wee Yeong Kang; T/n Shafee & Co
Bagi pihak responden - Nurul Wahida Jalaluddin & Manjira Vasudevan; Jabatan Peguam Negara

Dilaporkan oleh Najib Tamby

PENGHAKIMAN

Fathiyah Idris PK:

Pendahuluan

[1] Pihak pemohon telah memfailkan dua permohonan untuk semakan jenayah melalui (dua) notis usul yang telah didaftarkan sebagai permohonan Semakan Jenayah Nos: PB-44-21-11/2023 dan PB-44-22-11/2023.

[2] Melalui kedua-dua notis usul tersebut, pemohon telah memohon kepada mahkamah ini untuk menggunakan kuasa semakan terhadap keputusan Mahkamah Sesyen Butterworth bertarikh 15 Jun 2023 yang memerintahkan pemohon dilepaskan tanpa dibebaskan (DNAA) daripada semua pertuduhan di bawah s. 4(1) Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988.

[3] Mahkamah ini telah mendengar kedua-dua notis usul ini secara serentak. Alasan penghakiman ini adalah berkaitan keputusan mahkamah ini terhadap kedua-dua notis usul tersebut.

Latar Belakang Kes

[4] Pemohon telah dituduh di Mahkamah Sesyen Butterworth dengan tiga pertuduhan di dalam kes PB-62D-339-10/2020 dan dua pertuduhan di dalam kes PB-62D-340-10/2020.

[5] Pertuduhan-pertuduhan adalah seperti berikut:

Kes PB-62D-339-10/2020

Pertuduhan Pertama

Bahawa kamu pada 21 Januari 2016, di Maybank Islamic Berhad, No. 1797g-1, Kompleks Auto World, Jalan Perusahaan, Juru Interchange, 13600 Prai, Pulau Pinang, secara langsung telah menyembunyikan suatu harta iaitu wang berjumlah RM25,920.00 dalam akaun Maybank Islamic bernombor 557308507847 milik Syarikat Perkilangan Besi Gaya Sdn Bhd (143716-K), yang mana kamu mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa harta itu ialah harta yang menyalahi undang-undang. Oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan dibawah Seksyen 4(1) Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 [Akta 340] yang boleh dihukum dibawah Seksyen 4(1) Akta yang sama.

Pertuduhan Kedua

Bahawa kamu pada 21 Januari 2016, di Maybank Islamic Berhad, No. 1797g-1, Kompleks Auto World, Jalan Perusahaan, Juru Interchange, 13600 Prai, Pulau Pinang, secara langsung telah menyembunyikan suatu harta iaitu wang berjumlah RM51,840.00 dalam akaun Maybank Islamic bernombor 557308507847 milik Syarikat Perkilangan Besi Gaya Sdn Bhd (143716-K), yang mana kamu mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa harta itu ialah harta yang menyalahi undang-undang. Oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan dibawah Seksyen 4(1) Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 [Akta 340] yang boleh dihukum di bawah Seksyen 4(1) Akta yang sama.

Pertuduhan ketiga

Bahawa kamu pada 5 Jun 2016, di Maybank Islamic Berhad, No. 1797-g-1, Kompleks Auto World, Jalan Perusahaan, Juru Interchange, 13600 Prai, Pulau Pinang, secara langsung telah menyembunyikan suatu harta iaitu wang berjumlah RM25,920.00 dalam akaun Maybank Islamic bernombor 557308507847 milik Syarikat Perkilangan Besi Gaya Sdn Bhd (143716-K), yang mana kamu mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa harta itu ialah harta yang menyalahi undang-undang. Oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan dibawah Seksyen 4(1) Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 [Akta 340] yang boleh dihukum dibawah Seksyen 4(1) Akta yang sama.

Kes No: PB-62D-340-10/2020

Pertuduhan Pertama

Bahawa kamu pada 2 September 2016, di Maybank Islamic Berhad, No. 1797g-1, Kompleks Auto World, Jalan Perusahaan, Juru Interchange, 13600 Prai, Pulau Pinang, secara langsung telah menyembunyikan suatu harta iaitu wang berjumlah RM25,920.00 dalam akaun Maybank Islamic bernombor 557308507847 milik Syarikat Perkilangan Besi Gaya Sdn Bhd (143716-K), yang mana kamu mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa harta itu ialah harta yang menyalahi undang-undang. Oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan dibawah Seksyen 4(1) Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 [Akta 340] yang boleh dihukum dibawah Seksyen 4(1) Akta yang sama.

Pertuduhan Kedua

Bahawa kamu pada 21 Februari 2017, di Maybank Islamic Berhad, No. 1797g-1, Kompleks Auto World, Jalan Perusahaan, Juru Interchange, 13600 Prai, Pulau Pinang, secara langsung telah menyembunyikan suatu harta iaitu wang berjumlah RM51,840.00 dalam akaun Maybank Islamic bernombor 557308507847 milik syarikat Perkilangan Besi Gaya Sdn Bhd (143716-K), yang mana kamu mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa harta itu ialah harta yang menyalahi undang-undang. Oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan dibawah Seksyen 4(1) Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 [Akta 340] yang boleh dihukum di bawah Seksyen 4(1) Akta yang sama.

[6] Di Mahkamah Sesyen, pemohon mengaku tidak bersalah terhadap kelima-lima pertuduhan dan perbicaraan bermula pada 3 Januari 2023 dengan saksi pendakwaan yang pertama Koperal Zulkefli Bin Abdul Rahim, jurufoto (SP1) telah memberi keterangan sehingga selesai.

[7] Pada 24 Februari 2023, saksi pendakwaan yang kedua Mohd Zulkifli bin Ismail, Penolong Jurutera Mekanikal Pulau Pinang (SP2), telah memberi keterangan hingga selesai. Selanjutnya, perbicaraan ditangguhkan ke tarikh-tarikh 17 April 2023 dan 5 Mei 2023.

[8] Pada 17 April 2023, pihak pendakwaan memaklumkan kepada mahkamah bahawa pihak pembelaan telah mengemukakan surat representasi bertarikh 12 April 2023 kepada pihak pendakwaan. Maka, perbicaraan pada 17 April 2023 dan 5 Mei 2023 ditangguhkan sementara menunggu keputusan representasi tersebut. Tarikh sambung bicara yang baharu ditetapkan pada 13 Jun 2023, 14 Jun 2023 dan 15 Jun 2023.

[9] Pada 13 Jun 2023, pihak pendakwaan memaklumkan kepada mahkamah bahawa saksi pendakwaan yang ketiga iaitu Insp Alfred Anak Bajok tidak dapat hadir ke mahkamah dan beliau hanya boleh hadir pada tarikh 15 Jun 2023. Pihak pendakwaan memohon supaya perbicaraan pada 13 dan 14 Jun 2023 dilapangkan dan tarikh 15 Jun 2023 dikekalkan.

[10] Pada 15 Jun 2023, pihak pendakwaan memaklumkan kepada mahkamah bahawa Insp Alfred Anak Bajok enggan hadir ke mahkamah untuk perbicaraan tanpa sebarang alasan, walaupun sepina telah diserahkan kepadanya. Minit mahkamah pada 15 Jun 2023 menunjukkan seperti berikut:

Persidangan mahkamah sesi pagi

TPR: Puan hari ini ditetapkan untuk sambung bicara Puan. Walau bagaimanapun Puan saksi kami enggan hadir pada pagi ini.

Mahkamah: Sapina ada diserahkankah?

TPR: Sapina diserahkan pada 14.2.2022. 14 haribulan 12 Puan. Maaf 2022. Dan sekiranya diizinkan Puan pihak kami memohon satu waran tangkap dikeluarkan terhadap saksi kerana dia telah berjanji Puan untuk hadir pada hari ini dan dua kali sepatutnya pada hari Selasa lepas pun dia berjanji untuk hadir tapi tidak hadir. Dan kami juga baru tahu pagi ini Puan dan pihak kami telah bersedia untuk menjalankan bicara pada hari ini Puan.

Mahkamah: Ini saksi formal kan?

TPR : Benar Puan.

Mahkamah: Itu saja?

TPR : Benar Puan.

Mahkamah: Counsel?

Peguam bela: Dengan izin Puan Hakim. Pihak kami pohon agar sebutan ini ditunda sampai pukul 2 petang sebab seorang lagi counsel masih on the way daripada airport dan beliau ingin address berkenaan dengan isu ini.

Mahkamah: Ini Tan Sri Shafee?

Peguam bela: Tan Sri Shafee. Yang mana beliau ingin address isu berkenaan dengan inilah.

Mahkamah: Kalau tangguh ke 2 petang ni ada kemungkinankah saksi ini akan hadir?

TPR: Saya percaya saksi takkan hadir Puan pada hari ini.

Mahkamah: So counsel nak tunggu jugakah lead counsel hadir? Tan Sri Shafee hadir?

Peguam bela: Benar Puan. Itulah arahan daripada beliau bahawa beliau ingin menghadiri sebutan pada 2 petang nanti. Pihak kami baru dapat tahu yang Inspektor Alfred ini tidak hadir pada hari ini selepas sampai di sini dan flight kita hari ini adalah 8.40 malam.

TPR: Puan sekiranya diizinkan Puan sebab dijanjikan parties untuk hadir pada pukul 11 Puan. Jadi saya percaya untuk menjimatkan masa Mahkamah

Mahkamah: 11.30.

TPR: Betul. Dan tiada keperluan untuk menunggu mana-mana pihak Puan.

Mahkamah: Saya tangguh sebentar. Encik Wee dapatkan arahan sebab saya akan bagi perintah yang sewajarnya sama ada saya keluarkan waran tangkap atau perintah DNAA sahaja.

Peguam bela: Pihak kami diarahkan untuk dapatkan penangguhan sebentar sampai 2 petang Puan Hakim.

Mahkamah: Saya tangguh ke 2 petang. Sekiranya lead counsel tak hadir saya akan benarkan pihak peguam yang hadir untuk submit dan saya akan bagi perintah yang sewajarnya.

Peguam bela: Terima kasih Puan Hakim.

Mahkamah: Tangguh ke 2 petang.

Panggil Semula jam 2.15 petang

Peguam bela: Selamat petang Yang Arif.

TPR: Dengan izin Puan. Pihak-pihak yang sama dan terdapat penambahan bagi pihak pembelaan iaitu Tan Sri Shafee. Puan, arahan seperti yang sama Puan iaitu pada pagi tadi Puan saksi sehingga kini tidak dapat hadir. Bukan tidak dapathadir. Enggan hadir bagi perbicaraan ini sambung bicara dan pihak kami memohon agar satu waran tangkap dikeluarkan dan juga satu tarikh ditetapkan untuk bicara Puan. Untuk sambung bicara.

Mahkamah: Ini saksi akhir, TPR?

TPR: Benar Puan.

Mahkamah: Counsel ada apa-apa nak cakap berkaitan dengan kehadiran saksi pada hari ini? Tan Sri?

Peguam bela: Yang Arif, oleh sebab ini adalah kes pendakwaan dan di dalam kes pendakwaan ini seperti Yang Arif sedia maklum hanya tinggal satu saksi iaitu Inspektor Alfred anak Bajuk. Dan saksi ini ialah saksi penghabisan. Dan ia adalah merupakan Investigating Officer Yang Arif bagi kes AMLA. Sorry, for FOP Yang Arif. Dia bukan tidak boleh hadir Yang Arif sebab sapina telah pun dilaksanakan penyerahannya. Tetapi ia enggan hadir. Ini dengan jelas sekali dibagitahu oleh beliau kepada pihak DPP. Jadi Puan telah dengan cara yang mengikut undang-undang telah pun keluarkan satu waran tangkap

Mahkamah: Saya belum keluarkan apa-apa waran tangkap. Saya tangguh 2 petang untuk pihak-pihak berhujah.

Peguam bela: Saya setuju bahawa satu waran tangkap dikeluarkan kepada saksi ini. Itu adalah satu perkara yang berlainan dengan perkara status kes ini Yang Arif. Untuk status kes ini Yang Arif oleh sebab saksi enggan hadir dan ini adalah saksi penghabisan. Saya minta satu permohonan supaya kes ini dianggap ditutup oleh pihak pendakwaan. Sungguh pun Yang Arif kalau saksi ini dipanggil ada banyak cerita yang saya boleh kupas yang akan menjadikan bahan yang agak lebih menarik. Tetapi kes ini Yang Arif bermula pada 2 Oktober 20 ...

Mahkamah: 2020.

Peguam bela: Sekejap Yang Arif. Perkara ni berlaku dikatakan pada 21 Januari 2016. Dan pertuduhan dikemukakan pada 2 Oktober 2020. Pertama saya tidak faham kenapa ia begitu lama. Makan masa 4, 5 tahun baru pertuduhan dibuat. Seperti Yang Arif sedia maklum kes ini agak berjalan slow atas beberapa sebab. Kadang-kadang sebab kita juga atau pun pihak pendakwaan. Atau pun pihak saksi. Tetapi semua ini Yang Arif diatasi dengan apa yang berlaku pagi ini sebab saksi akhir enggan untuk datang ke Mahkamah. Dengan itu Yang Arif saya minta supaya kes ini ditutup sama ada kita buat hujahan terus pada hari ini atau pun satu tarikh singkat di mana kalau Puan keluarkan waran tangkap pada hari yang sama iaitu satu tarikh yang singkat supaya kita habiskan kes ini dalam satu hujahan.

Mahkamah: Itu saja?

Peguam bela: Itu saja.

Mahkamah: TPR?

TPR: Dengan izin Puan. Puan sedikit pembetulan daripada apa yang telah rakan bijaksana saya katakan tadi. Penangkapan sebenarnya pada tahun 2020 cuma pertuduhan sahaja pada 2016 Puan. Dan Puan arahan kami adalah sama iaitu kami mohon satu tarikh Puan agar ditetapkan untuk sambung bicara Puan. Dan pihak kami masih belum menutup kes Puan.

Peguam bela: Yang Arif saya rasa mungkin rakan saya tersalah faham. Saya katakan perkara ini berlaku iaitu pertuduhan atau pun pokok pertuduhan itu dikatakan berlaku pada 21 Januari 2016. Pertuduhan hanya dibuat pada 2.10.2020. I think we are talking about the same thing. Jadi itu sebab saya katakan saya tak faham kenapa 4 tahun, 5 tahun diambil masa untuk pertuduhan dikemukakan. Itu sudah memakan masa yang begitu lama Yang Arif dan daripada 2.10.2020 ke hari ini sudah 3 tahun lebih kurang hampir 3 tahun. Dan setakat ini Puan dalam kes ini kita tidak ada langsung apa-apa bukti

berkenaan dengan predicate offence yang perlu dibuktikan apa lagi pertuduhan yang dikemukakan. Semuanya FOP yang berdasarkan elemen iaitu perlucutan harta itu mesti disandarkan kepada predicate offence. Jadi Yang Arif dari segi keadilan saya rasa tidak harus kita biarkan perkara ini masih lagi memprejudiskan Orang Kena Tuduh sebab sudah lama beliau merengkuk dalam penjara reman Yang Arif. Since 16th of January 2020. This is almost like a roadshow Yang Arif. This is not the only case. Kes semuanya bersangkut paut dengan apa yang berlaku di hadapan Yang Arif. Satu persatu pertuduhan dikenakan macam roadshow seperti yang saya katakan Yang Arif, dalam satu keadaan reman daripada satu Majistret ke satu Majistret hanya untuk menyambung reman. Ini juga berlaku di sini tapi dengan lebih ketara. Dalam kes sedemikian Yang Arif pelanggan saya sudah dalam Penjara Reman 3 tahun setengah. Dan Yang Arif sedia maklum juga di dalam roadshow yang saya kata ini beliau juga dikenakan satu perintah tahanan yang mana telah dibuang dalam satu inquiry di Machang. Dan LLPK Yang Arif di Mahkamah Tinggi kita juga telah fail satu judicial review di hadapan Yang Arif Ahmad Kamal di Kuala Lumpur. Itu juga satu kes yang kita sudah menang. Semuanya bersangkutan Yang Arif. Jadi memandangkan ciri-ciri kes ini, fakta-fakta yang telahpun berlaku dan akan berlaku ianya tidak adil bagi kita menggantungkan kes ini lagi tanpa satu keputusan Yang Arif. Jadi saya hanya minta begini Yang Arif, saya tidak minta supaya kes ni terus di acquit and discharge. Satu permohonan yang saya boleh buat tetapi saya katakan kita minta supaya kes ini dianggap sebagai ditutup sebab tidak ada saksi yang boleh dikemukakan oleh pihak pendakwaan sebab saksi ini tidak mahu datang. Jadi atas sebab itu dan kalau kes ini ditutup kita boleh mula buat penghujahan. I think it's a fair middle ground Yang Arif.

Mahkamah: Pihak pendakwaan sediakah untuk menutup kes tanpa kehadiran saksi akhir ini dan sekiranya mahkamah mengeluarkan waran tangkap adakah kemungkinan yang besar saksi akhir ini akan hadir sebab saya tak nak buang masa bila kita dah fix seminggu, 3 hari mahkamah tak boleh nak fix kes lain. Sekiranya pihak-pihak bersetuju untuk tutup kes kita boleh buat submission on the spot berdasarkan keterangan yang ada.

TPR: Puan, arahan seperti yang sama Puan untuk dapatkan tarikh lain tapi kami serahkan kepada pihak Mahkamahlah.

Mahkamah: *Memandangkan kes ini adalah kes lama tahun 2020 dan ditetapkan tarikh sambung bicara akhir pada tarikh 13 hingga 15 Jun sehingga pada hari ini maka mahkamah memerintahkan*

Tertuduh ini dilepaskan tanpa dibebaskan DNAA bagi kesemua pertuduhan bagi kedua-dua kes atas alasan saksi akhir enggan hadir ke Mahkamah.

Tertuduh: Terima kasih Yang Arif. Terima kasih.

Peguam bela: Terima kasih Yang Arif.

TPR: Terima kasih Puan.

(penekanan ditambah)

[11] Pemohon tidak berpuas hati terhadap perintah DNAA tersebut, maka pada 28 November 2023 pemohon telah memfailkan dua notis usul yang didaftarkan sebagai PB-44-21-11/2023 dan PB-44-22-11/2023 untuk mahkamah ini membuat semakan terhadap perintah DNAA oleh Hakim Mahkamah Sesyen yang tersebut.

Mod/Kaedah Memulakan Permohonan Semakan Jenayah

[12] Sebelum meneruskan kepada hal perkara di dalam notis usul ini, mahkamah mengambil kesempatan untuk menyentuh mengenai mod memulakan permohonan semakan jenayah. Kuasa untuk semakan bagi Mahkamah Tinggi terkandung di dalam Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) dan Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (COJA).

[13] Di dalam Bab XXXI KTJ secara khususnya menyentuh mengenai semakan di dalam kes jenayah. Terdapat lima seksyen mengenainya, iaitu ss. 323 sehingga 327 seperti berikut:

323 Powers to call for records of subordinate Courts

(1) A Judge may call for and examine the record of any proceeding before any subordinate Criminal Court for the purpose of satisfying himself as to the correctness, legality or propriety of any finding, sentence or order recorded or passed, and as to the regularity of any proceedings of that subordinate Court.

324 Power to order further inquiry

(1) On examining any record under section 323 or otherwise, a Judge may direct the Magistrate to make, and the Magistrate shall make, further inquiry into any complaint which has been dismissed under section 135, or into the case of any accused person who has been discharged.

325 Powers of Judge on revision

(1) A Judge may, in any case the record of the proceedings of which has been called for by himself or which otherwise comes to his knowledge, in his discretion, exercise any of the powers conferred by sections 311, 315, 316 and 317 of this Code.

(2) No order under this section shall be made to the prejudice of the accused unless he has had on opportunity of being heard, either personally or by advocate, in his own defence.

A (3) Nothing in this section shall be deemed to authorise a Judge to convert a finding of acquittal into one of conviction.

326 Permission for parties to appear

No party has any right to be heard, either personally or by advocate, before a Judge when exercising his powers of revision: Provided that the
B Judge may, if he thinks fit, when exercising such powers hear any party, either personally or by advocate, and that nothing in this section shall be deemed to affect subsection 325(2).

327 Orders on revision

C When a case is revised under this Chapter by a Judge he shall certify his decision or order to the Court by which the finding, sentence or order revised was recorded or passed stating, where the finding, sentence or order has been varied, the grounds for such variation; and the Court to which the decision or order is so certified shall then make such orders as are conformable to the decision so certified and, if necessary, the record
D shall be amended in accordance therewith.

Seksyen 31 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 memperuntukkan:

The High Court may exercise powers of revision in respect of criminal proceedings and matters in subordinate courts in accordance with any law for the time being in force relating to criminal procedure.

E Seksyen 35 COJA memperuntukkan:

(1) In addition to the powers conferred on the High Court by this or any other written law, the High Court shall have general supervisory and revisionary jurisdiction over all subordinate courts, and may in particular, but without prejudice to the generality of the foregoing provision, if it
F appears desirable in the interests of justice, either of its own motion or at the instance of any party or person interested, at any stage in any matter or proceeding, whether civil or criminal, in any subordinate court call for the record thereof, and may remove the same into the High Court or may give to the subordinate court such directions as to the further conduct of the same as justice may require.

G (2) Upon the High Court calling for any record as aforesaid all proceedings in the subordinate court in the matter or proceeding in question shall be stayed pending further order of the High Court.

[14] Berdasarkan peruntukan di atas, tiada mod yang ditetapkan bagi
H permohonan semakan jenayah. Walau bagaimanapun, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia telah mengeluarkan arahan yang menggariskan tatacara atau proses kerja bagi permohonan semakan jenayah.

Arahan Pentadbiran Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia Bil. 2 Tahun 2018

I **[15]** Arahan pentadbiran ini bertujuan untuk menyeragamkan proses kerja bagi permohonan semakan jenayah dan sivil di Mahkamah Tinggi Malaya.

[16] Arahan pentadbiran ini bukan setakat untuk makluman dan tindakan pegawai dan kakitangan mahkamah, tetapi ia juga telah diedarkan kepada Majlis Peguam untuk makluman semua ahlinya, maka sewajarnya semua peguam mempunyai pengetahuan mengenainya.

[17] Arahan pentadbiran ini menyatakan bahawa:

> *surat permohonan untuk semakan jenayah/sivil hendaklah dikemukakan oleh pemohon ... ke Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi di lokasi yang berkenaan.* (penekanan ditambah)

[18] Melalui arahan pentadbiran ini, jelas menunjukkan bahawa mod permohonan untuk semakan jenayah adalah melalui surat permohonan. Sebelum arahan pentadbiran tersebut dikeluarkan, telah menjadi amalan yang diterima pakai bahawa mod untuk menggerakkan mahkamah dalam perkara semakan adalah melalui surat, atau atas inisiatif hakim sendiri yang mana beliau telah mendapat maklumat mengenai sesuatu kes melalui laporan akhbar atau lain-lain sumber.

[19] Arahan pentadbiran tersebut memperuntukkan:

> (c) Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar hendaklah mengemukakan surat permohonan tersebut pada hari yang sama kepada Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman untuk mendapatkan arahan lanjut;
>
> (d) Sekiranya Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman mendapati permohonan tersebut tidak perlu ditetapkan untuk pendengaran, Timbalan Pendaftar/ Penolong Kanan Pendaftar hendaklah memaklumkan arahan tersebut kepada pihak-pihak ...;
>
> (e) Sekiranya Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman mendapati permohonan semakan perlu didengar, Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar hendaklah:
>
> (i) ...
>
> (ii) ...
>
> (iii) memaklumkan nombor pendaftaran kes dan tarikh pendengaran permohonan pada pihak-pihak

[20] Secara ringkasnya, arahan pentadbiran tersebut menghendaki Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar untuk mengangkat surat permohonan semakan jenayah tersebut kepada Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman untuk pertimbangan dan arahan lanjut.

[21] Setelah seorang Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman membaca surat permohonan tersebut, maka beliau boleh melaksanakan kuasa semakan jika beliau berpendapat bahawa perkara tersebut perlu disemak. Sekiranya beliau memutuskan sebaliknya, maka permohonan semakan tersebut akan berakhir di situ.

[22] Dengan cara tersebut, maka budi bicara Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman akan dikekalkan dan tidak ada rayuan oleh pihak pemohon atas penolakan Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman untuk mendengar permohonan semakan tersebut. Perkara ini selaras dengan s. 326 Kanun Tatacara Jenayah berhubung dengan 'permission for parties to appear'.

[23] Seterusnya, mahkamah ini merujuk kepada kes *PP v. Chan Kok Poh* [2021] CLJU 1557; [2021] 1 LNS 1557, yang mana mahkamah telah menyatakan:

> [39] **Coming back to the instant case, it is my considered view that any party who wishes to invite the Court to exercise powers of revision may do so by way of a letter addressed to the Registrar**.
>
> [40] I noticed that of late, some parties who wants the Court to revise an Order or Ruling of the Subordinate Court resorted to Notice of Motion or Notice of Application. **This, in my view is improper** because any Notice of Motion must be heard, regardless of the outcome of the hearing whereas Section 326 clearly do not confer the right of audience (and the right to be heard) except under the circumstances enumerated under section 325(2) and (3) of the Code.
>
> (penekanan ditambah)

[24] Berdasarkan kes di atas, adalah jelas bahawa permohonan semakan jenayah boleh dibuat secara bersurat. Permohonan semakan jenayah yang dibuat melalui notis usul adalah "improper".

[25] Sekiranya permohonan untuk semakan difailkan melalui notis usul, maka Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar tidak boleh menolak pendaftaran notis usul tersebut, sebaliknya akan memprosesnya dan satu tarikh pendengaran akan ditetapkan.

[26] Di dalam keadaan tersebut, seseorang Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman terpaksa mendengar notis usul tersebut tanpa mempertimbangkan keperluannya dan sama ada perlu untuk menjemput pihak-pihak untuk didengar sepertimana yang diperuntukkan di bawah s. 326 KTJ.

[27] Berdasarkan keputusan di dalam kes *PP v. Chan Kok Poh* (*supra*), mahkamah ini juga berpandangan bahawa notis usul bukan mod yang betul untuk membuat permohonan semakan jenayah. Mod yang tepat adalah sebagaimana yang digariskan dalam Arahan Pentadbiran Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia Bil. 2 Tahun 2018.

[28] Permohonan melalui notis usul adalah sama sekali tidak selari dengan niat Parlimen dan objektif s. 326 KTJ. Berdasarkan kes *Krishnadas Achutan Nair & Ors. v. Maniyam Sanykano* [1997] 1 CLJ 636, mahkamah memutuskan bahawa:

> ... every word appearing in an Act must bear some meaning. For Parliament does not legislate in vain by the use of meaningless words or phrases. A judicial interpreter is therefore not entitled to disregard words used in a statute or subsidiary legislation ...

[29] Walaupun mahkamah ini tidak diberi ruang untuk mempertimbangkan keperluan permohonan semakan tersebut, namun demi keadilan, saya akan mempertimbangkan notis usul ini berdasarkan merit.

[30] Mahkamah ini merujuk kepada s. 325(1) KTJ di mana frasa "may" (boleh) digunakan berkaitan dengan kuasa seorang hakim dalam melaksanakan kuasa semakannya. Berdasarkan peruntukan ini, dapat difahami bahawa prinsip keadilan umum mencadangkan bahawa kuasa untuk melaksanakan semakan adalah sepenuhnya atas budi bicara hakim. Tambahan pula, ini adalah kes jenayah dan melibatkan hak asasi seseorang manusia dan tujuan permohonan semakan jenayah adalah untuk memastikan perintah dan hukuman yang diputuskan oleh mahkamah rendah adalah betul, sah, bersesuaian dan prosiding yang dijalankan adalah teratur sebagaimana yang dinyatakan di dalam kes *PP v. Audrey Keong Mei Chen*g [1997] 4 CLJ 702, Mahkamah Rayuan seperti berikut:

> *In exercising his powers under s. 325 of the CPC, the learned judge has to satisfy himself as to the correctness, legality or propriety of any finding, sentence or order recorded or passed, and as to the regularity of any proceedings of the inferior court*. In order to do this, he has to examine the record of the proceedings of which has been called for by himself or, as in this case, which otherwise comes to his knowledge. In exercising his discretion, the learned judge ought to confine himself only to the record of the proceedings and nothing else. An application for revision being essentially a criminal proceeding, it is our view that affidavit evidence has no place in such proceedings.
>
> (penekanan ditambah)

Pendengaran Notis Usul

[31] Kertas kausa berkaitan notis usul ini seperti berikut:

(i) kandungan 1 - notis usul;

(ii) kandungan 2 - afidavit sokongan oleh Ooi Chieng Sim;

(iii) kandungan 6 dan 7 - afidavit jawapan oleh Rohaiza binti Zainal;

(iv) kandungan 8 - afidavit pembetulan oleh Rohaiza binti Zainal;

(v) kandungan 10 - afidavit balasan oleh Ooi Chieng Sim; dan

(vi) kandungan 14 - afidavit tambahan oleh Ooi Chieng Sim.

[32] Alasan-alasan ringkas untuk menyokong usul ini adalah seperti berikut:

(i) keputusan Mahkamah Sesyen adalah, bertentangan dengan nas-nas undang-undang mengenai kuasa budi bicara dan pengamalan kuasa tersebut menurut kuasa kehakiman berkenaan perintah pelepasan tanpa pembebasan dan adalah di dalam kepentingan awam supaya ketidakadilan tersebut diperbetulkan oleh Mahkamah Tinggi;

A (ii) bahawa Mahkamah Sesyen terkhilaf apabila gagal menyedari bahawa kuasa untuk memberikan satu perintah pelepasan tanpa pembebasan hendaklah dijalankan dengan hemat yang mana adalah dalam kepentingan awam supaya kuasa tersebut hanya dijalankan dalam keadaan alasan yang munasabah telah diberikan oleh pihak
B pendakwaan (*PP v. Ambika M A Shanmugam* [2021] 2 CLJ 522; [2021] 2 MLJ 723);

(iii) bahawa Mahkamah Sesyen terkhilaf dalam tidak mempertimbangkan fakta dan pengakuan pihak pendakwaan sendiri bahawa saksi utama pihak pendakwaan iaitu pegawai penyiasat Inspektor Alfred Anak
C Bajok, kini tidak lagi ingin hadir ke mahkamah untuk memberi keterangan, setelah penangguhan-penangguhan diberi untuk kehadiran beliau, dan oleh itu kes pihak pendakwaan terhadap pemohon seharusnya digugurkan tanpa keterangan saksi ini;

D (iv) bahawa Mahkamah Sesyen terkhilaf dalam tidak mempertimbangkan bahawa kesemua pertuduhan di bawah s. 4(1) Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 adalah dicemari dengan niat jahat (*mala fide*) dan penyalahgunaan proses oleh responden dalam penahanan pemohon secara berterusan melalui penangkapan dan penangkapan semula;

E (v) bahawa Mahkamah Sesyen turut terkhilaf dalam tidak mempertimbangkan bahawa kesemua pertuduhan di bawah s. 4(1) Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 gagal mendedahkan kesalahan predikat;

F (vi) bahawa Mahkamah Sesyen turut terkhilaf dalam tidak mempertimbangkan bahawa kesemua pertuduhan di bawah s. 4(1) Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 tidak selaras dengan mukadimah Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 dan per. 149 Perlembagaan Persekutuan;

G (vii) bahawa hakikatnya, tanpa keterangan saksi pendakwaan iaitu pegawai penyiasat kes ini sendiri, kes pihak pendakwaan kini tidak lengkap dan runtuh dan adalah menjadi satu penyimpangan dan persendaan terhadap pentadbiran keadilan jenayah jika mahkamah dilihat membiarkan amalan pendakwaan seakan-akan salah guna dan
H penindasan yang tidak boleh diperakui oleh mahkamah;

(viii) bahawa hakikatnya, tanpa keterangan saksi pendakwaan iaitu pegawai penyiasat kes ini sendiri, pembelaan telah dikecualikan dan dihadkan daripada mengemukakan pembelaan pemohon terhadap pertuduhan terhadap pemohon dan perkara ini merupakan satu ketidakadilan yang
I mencabul hak asasi untuk mendapatkan perbicaraan yang adil termaktub di dalam per. 5 Perlembagaan Persekutuan yang seharusnya mendesak satu perintah pelepasan dan pembebasan terhadap pemohon; dan

(ix) bahawa pihak pendakwaan tidak pernah mendesak perintah pelepasan dan pembebasan namun hanya memohon untuk satu penangguhan dan oleh itu pemohon haruslah dilepaskan dan dibebaskan daripada pertuduhan beliau ini. Jelas adalah untuk kepentingan awam untuk menegakkan pentadbiran keadilan jenayah dalam membenarkan perintah sedemikian lebih-lebih lagi mengambil kira kekurangan di dalam kes pendakwaan sendiri.

Analisa Dan Dapatan Mahkamah

[33] Di dalam melaksanakan kuasa semakan, mahkamah ini telah meminta kepada Hakim Mahkamah Sesyen untuk membekalkan nota prosiding bertarikh 15 Jun 2023 dan memberikan alasan penghakiman ringkas terhadap perintah DNAA yang telah diberikan pada 15 Jun 2023.

[34] Pada 25 Mei 2024, Puan Noor Aini binti Yusof, Hakim Mahkamah Sesyen (HMS) telah menghantar emel kepada Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi dan melampirkan nota keterangan dan alasan penghakiman ringkas yang diminta.

[35] Di dalam alasan penghakiman ringkas, HMS menyatakan seperti berikut:

> 1. Mahkamah ini berpendapat pada peringkat ini, pihak pendakwaan masih belum menutup kes pendakwaan lagi dan masih berbaki satu saksi lagi iaitu pegawai penyiasat kes. Oleh itu, mahkamah ini tidak mempunyai kuasa untuk memberikan perintah OKT ini dilepaskan dan dibebaskan (DAA).
>
> 2. Mahkamah ini juga telah bertanyakan pendirian pihak pendakwaan, adakah pihak pendakwaan berhasrat menutup kes pendakwaan tanpa keterangan saksi terakhir ini, namun pihak pendakwaan bertegas memohon waran tangkap dikeluarkan ke atas saksi ini dan kes ditangguhkan ke tarikh lain untuk sambung bicara. Mahkamah ini tidak mengeluarkan waran tangkap dan menangguhkan kes ke tarikh lain memandangkan sekiranya waran tangkap dikeluarkan sekalipun tiada jaminan untuk saksi ini hadir dan ini menyebabkan kes ini akan berlanjutan lebih lama dan OKT terus meringkuk di dalam tahanan reman.
>
> 3. Oleh yang demikian, mahkamah dengan budi bicara yang ada memerintahkan OKT ini dilepaskan tanpa dibebaskan (DNAA) untuk kesemua pertuduhan bagi kedua-dua kes tersebut dan sekiranya pihak pendakwaan bersedia dengan saksi terakhir ini, kes ini boleh dihidupkan kembali (reinstate) dan sambung perbicaraan diteruskan seperti biasa selaras dengan peruntukkan Seksyen 254A Kanun Tatacara Jenayah.
>
> 4. Mahkamah ini dengan rendah diri berpendapat bahawa mahkamah ini tiada kuasa untuk memberikan perintah lepas dan bebas memandangkan pihak pendakwaan masih belum menutup kes pendakwaan. Rujukan telah dibuat kepada kes terdahulu yang memutuskan atas isu yang sama.

A 5. Rujukan telah dibuat kepada kes *Public Prosecutor v. Zainuddin & Anor* [1985] 1 MLRA 299; [1986] 2 MLJ 100; [1986] CLJ (Rep) 232; the Supreme Court (the predecessor of the present Federal Court) stated in no uncertain terms that the subordinate courts are not empowered to acquit an accused person before hearing all the evidence from the prosecution. Salleh Abas LP opined:

B

> The record of this case shows that the case has been postponed no less than twelve times since the respondents were first charged on November 9, 1976 to the date when the magistrate ordered acquittal in their favour on January 19, 1984, ie about eight years later. Of these twelve postponements, five were granted at the
C prosecution's request, two postponements because of the court's own inability to hold the trial, whilst the remaining five postponements were granted at the behest of the defence. The question which we have to answer here was whether a magistrate holding a summary trial could acquit and discharge the accused without hearing the evidence for the prosecution at all. Murray-
D Aynsley J in *Kuppusamy v. Public Prosecutor* [1941] 1 MLRH 85; [1948] MLJ 25. held that the earliest stage at which a magistrate can acquit an accused person is after hearing all the evidence for the prosecution. This ruling was accepted and followed by Ong Hock Sim J. in *Public Prosecutor v. Goh Kee Chuan* [1966] 1 MLRH 122; [1967] 1 MLJ 174 and *Public Prosecutor v. Mahmud* [1973]
E 1 MLRH 70; [1974] 1 MLJ 85. This view was also accepted by the Federal Court, whose judgment was delivered by Ong CJ, in *Chu Chee Peng v. Public Prosecutor* [1973] 1 MLRA 476; [1973] 2 MLJ 35. In our view the court has no such power (making of an order of acquittal) before the end of the prosecution case, whether the
F evidence has been given or not. The phrase "all such evidence as may be produced" appearing in paragraph (c) of s. 173 of the CPC of course has the same meaning as the phrase "all the evidence hereinbefore referred to" appearing in paragraph (f). But the evidence meant by these two phrases includes both the evidence which is available at the trial and that which is not but will be made
G available if a postponement of the trial is granted. Since the Attorney-General has this power exercisable at his discretion (to institute, conduct or discontinue any proceedings for an offence), it is not for the Court to say when the prosecution has to close its case or has to come to an end merely because it is unable to obtain a postponement in order to produce evidence
H which will prove the offence against the accused, and thus acquit him on the basis of no evidence or on the basis of the evidence thus far produced without waiting for the evidence for which postponement is sought, citing as an authority a burden of proof principle that it is for the prosecution to prove the guilt of the accused. Of course, the prosecution has the duty to do so, but the
I Court has no power to stop the prosecution from performing its duty by acquitting without hearing evidence. Moreover, this burden of proof principle will be applicable only when the prosecution has called all the evidence which it wishes to produce

in support of its case, including the evidence which is not capable of being produced at the trial without the necessity of a postponement.

6. Berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, mahkamah ini dengan rendah diri berpendapat pada peringkat ini adalah bersesuaian dan munasabah OKT ini dilepaskan tanpa dibebaskan (DNAA) terlebih dahulu kerana saksi enggan hadir dan sekiranya pihak pendakwaan bersedia, kes ini boleh didaftar semula dan diteruskan dengan saksi akhir ini. OKT ini juga telah berada di dalam reman lebih kurang 3 tahun lebih.

7. Mahkamah ini tidak boleh menggunakan budibicara di bawah Seksyen 254(3) KTJ untuk melepas dan membebaskan OKT tanpa mendengar keseluruhan keterangan pihak pendakwaan.

Hujahan Pihak Pemohon

Secara ringkas, pemohon berhujah bahawa:

[36] Pertuduhan yang dirangka ke atas pemohon iaitu di bawah s. 4(1) Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 (Akta 340) dicemari dengan niat jahat atau "*mala fide*" dan penyalahgunaan proses mahkamah oleh responden dengan mengambil kira penahanan ke atas pemohon yang berterusan melalui tangkapan dan tangkapan semula.

[37] Pertuduhan di bawah s. 4(1) Akta 340 tidak mendedahkan kesalahan predikat. Perkara ini menunjukkan wujudnya niat jahat atau "*mala fide*" dan penyalahgunaan proses mahkamah memandangkan pertuduhan yang dirangka adalah tidak sempurna dan tidak teratur menurut Kanun Tatacara Jenayah.

[38] Berdasarkan Mukadimah Akta 340, kuasa penggubalan Akta 340 adalah berpunca dari per. 149 Perlembagaan Persekutuan. Pertuduhan ke atas pemohon di bawah s. 4(1) Akta 340 tidak bertepatan dengan mukadimah Akta 340 dan Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan yang jelas menghendaki wujud sesuatu tindakan atau ancaman oleh mana-mana kumpulan besar orang (substantial body of persons). Pertuduhan ke atas pemohon jelas menunjukkan penglibatan pemohon adalah secara berseorangan.

[39] Prosiding jenayah ke atas pemohon di bawah s. 4(1) Akta 340 telah berlangsung bagi tempoh melebihi dua tahun. Dalam tempoh tersebut, pemohon berada dalam tahanan memandangkan kesalahan tersebut dikategorikan sebagai kesalahan tidak boleh jamin (unbailable offence).

[40] Perintah DNAA tersebut telah meletakkan pemohon dalam keadaan "tergantung tidak bertali" untuk tempoh yang tidak dapat dipastikan memandangkan wujud kemungkinan bahawa pada bila-bila masa sahaja Pendakwa Raya boleh menuduh semula pemohon.

[41] Lanjutan daripada itu, sekiranya Pendakwa Raya memutuskan untuk menuduh semula pemohon pada masa akan datang, pemohon sekali lagi akan ditahan reman sementara menunggu proses perbicaraan selesai. Hal ini jelas merupakan satu bentuk ketidakadilan terhadap pemohon.

[42] Perintah DNAA tersebut telah menjejaskan mata pencarian (livelihood) pemohon memandangkan terdapat kesukaran untuk pemohon berurusan dengan institusi kewangan. Hal ini jelas bertentangan dengan per. 5 Perlembagaan Persekutuan yang menjamin kebebasan asasi pemohon dan seterusnya mewajarkan suatu perintah lepas dan bebas (DAA).

Hujahan Pihak Responden

[43] Kesemua lima pertuduhan terhadap pemohon di Mahkamah Sesyen adalah bagi kesalahan menyembunyikan wang berjumlah RM181,440 bagi tempoh di antara 21 Januari 2016 sehingga 21 Februari 2017 di dalam akaun Maybank Islamic bernombor 557308507847 milik Syarikat Perkilangan Besi Gaya Sdn Bhd di mana pemohon mempunyai sebab mempercayai bahawa harta itu adalah harta yang menyalahi undang-undang.

[44] Pada tarikh sambung bicara 15 Jun 2023, saksi pendakwaan yang ketiga dan terakhir iaitu Insp Alfred Anak Bajok telah enggan hadir ke mahkamah untuk memberi keterangan, walaupun sepina kepada saksi tersebut telah dikeluarkan pada 14 Disember 2022.

[45] Pihak pendakwaan bersedia untuk menjalankan perbicaraan, namun atas keengganan saksi untuk hadir ke mahkamah, pihak pendakwaan memohon kepada mahkamah untuk satu waran tangkap dikeluarkan terhadap saksi tersebut.

[46] Pihak pendakwaan tidak pernah pada bila-bila masa menggunakan s. 254 KTJ dan tidak pernah menyatakan hasrat untuk tidak meneruskan perbicaraan walaupun saksi yang material tidak hadir. Ketidakhadiran saksi Insp Alfred Anak Bajok bukanlah suatu alasan yang sengaja diada-adakan oleh pihak pendakwaan secara berterusan.

[47] Pihak pendakwaan telah dengan sewajarnya memastikan kehadiran saksi tersebut ke mahkamah pada setiap tarikh perbicaraan dan sapina juga telah dikeluarkan kepada saksi tersebut lebih awal daripada tarikh perbicaraan. Saksi tersebut mempunyai pengetahuan berkenaan tarikh bicara dan beliau tahu dan sedar tentang keperluan untuk beliau hadir ke mahkamah memberi keterangan.

Perintah DNAA Oleh Hakim Mahkamah Sesyen

[48] Berdasarkan minit prosiding bertarikh 15 Jun 2023 di Mahkamah Sesyen, adalah jelas bahawa pihak pendakwaan tidak memohon untuk kes ini diDNAA sebaliknya memohon untuk waran tangkap dikeluarkan terhadap saksi (Insp Alfred Bajok).

[49] Sebagai respon kepada permohonan pihak pendakwaan, pihak pembelaan menyatakan:

> Jadi saya hanya minta begini Yang Arif, saya tidak minta supaya kes ni terus di acquit and discharge. Satu permohonan yang saya boleh buat tetapi saya minta supaya kes ini dianggap sebagai ditutup sebab tidak ada saksi yang boleh dikemukakan oleh pihak pendakwaan sebab saksi ini tidak mahu hadir. Jadi atas sebab itu kes ini ditutup dan pihak-pihak boleh mula buat penghujahan. I think it's a fair middle ground Yang Arif.

[50] Mahkamah kemudiannya bertanya: pihak pendakwaan sediakah untuk menutup kes tanpa kehadiran saksi akhir ini dan sekiranya mahkamah mengeluarkan waran tangkap adakah kemungkinan yang besar saksi akhir ini akan hadir sebab saya tak nak buang masa bila kita dah fix seminggu, tiga hari mahkamah tak boleh nak fix kes lain. Sekiranya pihak-pihak bersetuju untuk tutup kes kita boleh buat submission on the spot berdasarkan keterangan yang ada.

[51] Berdasarkan soalan mahkamah yang tersebut, menunjukkan bahawa HMS keberatan untuk mengeluarkan waran tangkap (WT) kerana beliau meragui mengenai kehadiran saksi akhir tersebut ke mahkamah, apabila HMS menyatakan "adakah kemungkinan yang besar saksi akhir ini akan hadir ..."

[52] Sebagaimana yang semua pihak sedia maklum bahawa apabila WT dikeluarkan maka sewajarnya pihak polis melaksanakan tangkapan terhadap saksi tersebut, tambahan pula saksi tersebut adalah anggota polis, dan pelaksanaan waran tangkap ke atasnya tidak sukar.

[53] Secara logiknya, jika WT dilaksanakan, maka saksi tersebut akan ditangkap dan dibawa ke mahkamah untuk perbicaraan. Tetapi jika WT tidak dilaksanakan maka sudah tentu saksi tersebut tidak akan hadir.

[54] Mahkamah ini berpendapat bahawa HMS tidak wajar menimbulkan persoalan "adakah kemungkinan yang besar saksi akhir ini akan hadir ...". Apa yang perlu dilakukan oleh HMS adalah mengeluarkan waran tangkap dan menetapkan tarikh akhir untuk sambung bicara. Sebaliknya, HMS telah membuat perintah DNAA bagi kesemua pertuduhan atas alasan saksi akhir enggan hadir ke mahkamah.

Seksyen 254 KTJ

[55] Seksyen 254 KTJ memperuntukkan seperti berikut:

> (1) At any stage of any trial, before the delivery of judgment, **the Public Prosecutor** may, **if he thinks fit, inform the Court that he will not further prosecute the accused upon the charge** and thereupon all proceedings on the charge against the accused shall be stayed and the accused shall be discharged of and from the same.

A (2) At any stage of any trial before a Sessions Court or a Magistrates Court before the delivery of judgment, **the officer conducting the prosecution may, if he thinks fit, inform the Court that he does not propose further to prosecute the accused upon the charge**, and thereupon all proceedings on the charge against the accused may be stayed by leave of the Court and, if so stayed, the accused shall be discharged of and from the same.

B

(3) Such discharge shall not amount to an acquittal unless the Court so directs.

(penekanan ditambah)

C **[56]** Berdasarkan peruntukan s. 254 KTJ ini, dapatlah difahami bahawa tujuan s. 254 KTJ adalah untuk membolehkan sesuatu prosiding perbicaraan jenayah boleh ditangguhkan atas pemakluman oleh Timbalan Pendakwa Raya bagi melakukan tindakan-tindakan yang sewajarnya. Sekiranya Pendakwa Raya berpendapat ingin meneruskan perbicaraan tersebut maka ia boleh diteruskan dan s. 254A KTJ adalah terpakai bagi membolehkan kes tersebut disambung pada peringkat di mana ia ditangguhkan sebelum ini.

D

Adakah Perintah DNAA Teratur?

[57] Secara amnya, kuasa untuk memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan adalah terletak E hak ke atas Pendakwa Raya. Perkara ini selaras dengan per. 145 Perlembagaan Persekutuan yang dibaca bersama s. 376(1) Kanun Tatacara Jenayah.

[58] Kuasa Pendakwa Raya juga dizahirkan melalui s. 254 Kanun Tatacara Jenayah yang memperuntukkan bahawa Pendakwa Raya boleh memilih F untuk tidak meneruskan pendakwaan ke atas seseorang dan Pendakwa Raya hendaklah memaklumkannya kepada mahkamah. Atas makluman tersebut, mahkamah boleh memerintahkan tertuduh untuk dilepaskan tanpa dibebaskan (DNAA) atau dalam keadaan tertentu, mahkamah juga boleh mengeluarkan perintah pelepasan yang terjumlah kepada pembebasan (DAA) G sebagaimana yang diperuntukkan oleh sub-s. 254(3) Kanun Tatacara Jenayah.

[59] Di dalam kes ini, perintah DNAA telah dikeluarkan oleh HMS tanpa didahului oleh permohonan atau makluman oleh Pendakwa Raya di bawah s. 254 KTJ. Adakah perintah DNAA tersebut teratur menurut undang- H undang?

[60] Mahkamah ini meneliti beberapa nas duluan berkaitan s. 254 KTJ dan mendapati bahawa perintah DNAA atau DAA akan diberikan oleh mahkamah atas permintaan oleh pihak pendakwaan.

I

[61] Di dalam kes *PP v. Ambika MA Shanmugam* [2019] 7 CLJ 518, pihak pendakwaan telah memohon perintah DNAA dan mahkamah telah membuat perintah lepas dan bebas (DAA). Diperturunkan petikan penghakiman Mahkamah Tinggi berkaitan perintah DAA tersebut seperti berikut:

> [2] The prosecution on the date for continuation of the trial informed that it did not want to proceed with the trial and instead applied for discharge not amounting to acquittal (DNAA) of the case. Even after repeated questioning by the court as to the reason for such an application, all the learned Deputy Public Prosecutor (DPP) could say was that she was instructed to apply for DNAA.
>
> [3] The learned defense counsel citing s. 254(3) of the Criminal Procedure Code urged the court to grant discharge amounting to acquittal (DAA) citing the old age and bad health of the accused.
>
> ...
>
> [5] From the reading of the above provision, it is clear that the court has in certain circumstances a discretion to order DAA instead of DNAA.
>
> [6] In this case, as the trial had begun **and the inability of the learned DPP to inform the court the reasons for applying for DNAA are cogent reasons for the court to order DAA**. Further, the accused is over 60 years old and has health issues. Under these circumstances, to have a possibility of being recharged again and be remanded will be unjust to the accused. The court had given priority to this case and begun the trial. It would be unfair to the court to again reschedule this case in the event the accused is recharged.
>
> [7] The court in ordering DAA is guided by a number of authorities cited below.
>
> In the case of *PP v. Lau Ngiik Yin* [2008] 10 CLJ 410; [2007] 3 MLRH 238 it was stated as follows:
>
> In my view the court must order an acquittal and not DNAA, when the prosecutor has shown disinterestedness in prosecuting the case or the prosecution is not able to prosecute the case for good reasons and is unlikely the case can be prosecuted expeditiously in the short future. This is so because the liberty of His Majesty's subject cannot be placed by a continuous threat of prosecution by only an order of discharge. Such an order may be against constitutional guarantees.
>
> In the case of *PP v. Syed Abdul Bahari Shahabuddin* [1975] 1 LNS 137; [1976] 1 MLJ 87 Abdool Cader J (as he then was) stated as follows:
>
> > I would only pause to observe that when there is no reasonable prospect of a case proceeding as a result of the absence of one or more witnesses or for some other cogent reason, then the prosecution should act under the provisions of section 254 of the Criminal Procedure Code. Sub-section (iii) of section 254 specifically enacts that a discharge under that section shall not amount to an acquittal unless the court so directs.

A

> It is settled law that unless there are good grounds to the contrary, a discharge under this provision should amount to an acquittal. Good grounds for a discharge not amounting to an acquittal would arise where the prosecution is unable to proceed for the time being but can satisfy the court that the temporary impediment is not unsurmountable and that it will proceed within a reasonable time. This seems to be the *raison d'etre* for the scheme providing for a discharge not amounting to an acquittal.

B

[62] Selanjutnya mahkamah ini merujuk kepada kes *Vigny Alfred Raj Vicetor Amratha Raja v. PP* [2022] 8 CLJ 1, di mana Mahkamah Tinggi telah membenarkan permohonan pihak pendakwaan dan perintah DNAA telah diberikan dan disahkan oleh Mahkamah Rayuan. Selanjutnya, di dalam rayuan di Mahkamah Persekutuan, perintah DNAA oleh Mahkamah Tinggi telah diketepikan dan perintah DAA diberikan oleh Mahkamah Persekutuan.

C

[63] Di dalam kes *Vigny* (*supra*), fakta kes jelas menunjukkan bahawa pihak pendakwaan memohon untuk perintah DNAA menurut s. 254(1) KTJ. Sebaliknya di dalam kes ini, pihak pendakwaan tidak mengemukakan apa-apa permohonan di bawah s. 254 KTJ. Pihak pendakwaan hanya memohon satu waran tangkap dikeluarkan terhadap saksi yang enggan hadir ke mahkamah.

D

E

[64] Maka, mahkamah berpendapat bahawa perintah DNAA oleh HMS atas alasan saksi enggan hadir adalah salah dan tidak menurut peruntukan undang-undang.

Seksyen 173(g) KTJ

F

[65] Mahkamah ini merujuk s. 173(g) Kanun Tatacara Jenayah yang memperuntukkan:

> (g) Nothing in paragraph (f) shall be deemed to prevent the Court from discharging the accused at any previous stage of the case if for reasons to be recorded by the Court it considers the charge to be groundless.

G

[66] Berdasarkan s. 173(g) ini, mahkamah diberikan kuasa untuk mengeluarkan perintah DNAA dalam keadaan pertuduhan yang dirangka ke atas tertuduh tidak berasas (groundless). Seksyen 173(g) tidak menyatakan berkaitan perintah DAA.

[67] Selanjutnya, mahkamah ini merujuk kes *Vigny* (*supra*), di mana Mahkamah Persekutuan juga telah menyentuh s. 173(g) KTJ seperti berikut:

H

> [17] However, s. 173(g) reserves discretion to the court to discharge an accused even before this stage, that is, "at any previous stage of the case" but this is subject to the condition that the court considers the charge to be groundless. Noticeably, s. 173(g) does not expressly provide that such discharge amounts to an acquittal. Arguably, a discharge under s. 173(g) is not an acquittal in which case, fresh proceedings may be initiated for the same offence.

I

[18] The scope and purpose of s. 173(g) has been ably explained by Ong CJ in *Chu Chee Peng v. PP* [1973] 1 LNS 18; [1973] 2 MLJ 35 and I adopt the same:

> Thus, when the whole of s. 173 is viewed in logical order, it will be seen that para. (g) has a good *raison d'etre* for its interposition between paras. (f) and (h) *et seq*. it is to be remembered that the procedure in s. 173 is for summary trials. There are constantly cases coming up in subordinate Courts where the very corner-stone in the prosecution case collapses at an early stage for a variety of reasons. In that event, should the Magistrate continue in the profitless labour of hearing the rest of the prosecution to the bitter end, whilst realising that at the close of the prosecution he would surely have to pronounce a verdict of acquittal? Without the express powers given to him by para. (g) the futile exercise is inevitable. Therefore the paragraph provides that:
>
> > (g) Nothing in paragraph (f) shall be deemed to prevent the court from discharging the accused at any previous stage of the case if for reasons to be recorded by the court it considers the charge to be groundless.
>
> But Magistrates may occasionally be over-hasty; they may have misdirected themselves or fallen into error in other ways, when deciding to dismiss a case without wasting any more time on the prosecution. Accordingly they are required to state their reasons for so doing and, lest their error lead to irremediable consequences, they are authorised only to discharge the accused: not, be it noted, to "acquit" him.

[19] Similarly, Harun J in *PP v. Hettiarachigae LS Perera* (*supra*) pointed out that in a summary trial, the powers of the magistrate to acquit "can only be exercised either under s. 173(f) at the close of the prosecution case when there is no case to answer or under s. 173(m)(i) at the close of the defence when the court finds the accused not guilty". His Lordship noted that apart from these two provisions, "a magistrate may order a discharge amounting to an acquittal when the Public Prosecutor declines to prosecute further at any stage before delivery of judgment under s. 254 of the Criminal Procedure Code". His Lordship however recognised that the magistrate may discharge under s. 173(g) before the close of the case for the prosecution or s. 173(n) before calling upon an accused to enter upon his defence "but the discharge under these provisions does not amount to an acquittal".

[20] In *Hettiarachigae LS Perera*, Harun J had called the case up for a revision, noting from the record that no evidence for the prosecution had been heard and neither had the prosecution declined to prosecute. All that the prosecution was seeking was an adjournment. In such circumstances, the only power to order a discharge was under s. 173(g) where the magistrate considers the charge to be groundless. On the facts,

A this was not supported in which case, the decision of the magistrate to discharge and acquit the accused was set aside and the case was remitted to the magistrate for disposal according to the provisions of the CPC.

[68] Meneliti nota keterangan dan alasan penghakiman ringkas, mahkamah ini mendapati bahawa hakim bicara tidak pernah pada bila-bila masa B membuat dapatan bahawa pertuduhan ke atas tertuduh adalah tidak berasas. Hakim bicara dalam alasan penghakimannya menyatakan:

> mahkamah ini dengan rendah diri berpendapat pada peringkat ini adalah bersesuaian dan munasabah OKT ini dilepaskan tanpa dibebaskan (DNAA) terlebih dahulu kerana saksi enggan hadih.

C **[69]** Perintah DNAA atas alasan saksi enggan hadir adalah jelas tidak teratur dan bertentangan dengan s. 173(g) Kanun Tatacara Jenayah. Lebih-lebih lagi dalam kes ini, pihak pendakwaan dengan jelas menyatakan hasrat untuk meneruskan kes terhadap tertuduh. Pihak pendakwaan juga telah mengambil langkah sewajarnya dengan memohon waran tangkap dikeluarkan D ke atas saksi Insp Alfred Anak Bajok bagi memastikan pendakwaan ke atas tertuduh dapat diteruskan.

Isu-isu Lain Yang Dibangkitkan Oleh Pemohon

[70] Di dalam hujahan bertulis (kandungan 17), pemohon telah dengan E terperinci mengemukakan "background facts" dan "grounds for this application". Pemohon juga ada menyentuh mengenai beberapa isu untuk perhatian dan pertimbangan mahkamah di dalam membuat keputusan, iaitu:

(i) isu pendakwaan terpilih dan *mala fides* serta penyalahgunaan proses mahkamah;

F (ii) isu pemerasan (extortion) oleh pihak polis ke atas pemohon yang berjumlah RM30 juta;

(iii) isu gagal membuktikan kesalahan predikat; dan

(iv) isu per. 149 Perlembagaan Persekutuan.

G **[71]** Pihak pemohon telah merujuk mahkamah ini kepada kes *Ooi Chieng Sim v. PP* [2023] 1 CLJ 254 yang mana berkaitan pemohon yang sama dalam kes ini. mahkamah ini mendapati kesemua empat isu yang dihujahkan di hadapan mahkamah ini telah dihujahkan di hadapan YA Hakim Tuan Mohd Radzi bin Abdul Hamid semasa pendengaran permohonan jenayah H no: PA-44-12-05-2021 iaitu kes *Ooi Chieng Sim v. PP* [2023] 1 CLJ 254.

[72] Mahkamah ini menerima pakai keputusan dan penghakiman YA Hakim Tuan Mohd Radzi Abdul Hamid berkaitan kesemua isu tersebut dan mahkamah ini tidak berhasrat untuk mengulanginya di sini.

I

Keputusan

Berdasarkan penelitian dan analisa mahkamah seperti yang dibincangkan di atas, mahkamah ini mendapati perintah DNAA oleh HMS adalah tidak teratur. Maka dengan menggunakan kuasa semakan yang diperuntukkan di dalam Kanun Tatacara Jenayah, mahkamah ini memutuskan:

(i) perintah DNAA oleh hakim bicara diketepikan dan perbicaraan hendaklah diteruskan dengan saksi terakhir pihak pendakwaan;

(ii) waran tangkap dikeluarkan ke atas pegawai penyiasat, Insp Alfred Bajok;

(iii) kedua-dua kes PB-62D-339-10/2020 dan PB-62D-340-10/2020 hendaklah disebut semula di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen Butterworth;

(iv) tertuduh ditahan reman dan tiada jaminan dibenarkan menurut s. 57 Akta Dadah Berbahaya (Pelucuthakan Harta) 1988; dan

(v) waran tangkap dan waran menahan disediakan oleh Pejabat Pendaftaran Mahkamah Rendah, Butterworth.

Permohonan Untuk Penggantungan Pelaksanaan Perintah Mahkamah

[73] Selepas mahkamah ini menyampaikan keputusan, pihak peguam bela telah memohon secara lisan supaya perintah mahkamah yang tersebut digantung pelaksanaannya atas alasan bahawa pihak pemohon akan memfailkan rayuan terhadap keputusan tersebut.

[74] Pihak pendakwaan tidak membantah permohonan tersebut, maka mahkamah ini telah membenarkan penggantungan pelaksanaan perintah tersebut sehingga rayuan pemohon dilupuskan.